Menyokong Perusahaan Kecil dan Sederhaan dalam Peralihan Hijau

Di banyak negara, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) adalah penyumbang yang penting dalam pertumbuhan ekonomi. Perkara ini juga sama di Malaysia, dengan PKS merangkumi 97%[1] daripada pertubuhan perniagaan. PKS menyediakan peluang pekerjaan kepada sekitar 48%[1] jumlah tenaga kerja di Malaysia, menjadikan PKS sebagai tulang belakang ekonomi negara (Gambar Rajah 1). Sebagai penyumbang utama dalam rantaian bekalan global dan dalam negeri, PKS adalah penting bagi Malaysia untuk mencapai peralihan ekonomi rendah karbon sejajar dengan matlamat Perjanjian Paris[2] secara teratur bagi mengurangkan kesan bahaya daripada pemanasan global.

Rencana ini menggariskan risiko dan peluang bagi PKS daripada kesan perubahan iklim, cara-cara PKS dapat menerapkan amalan kelestarian serta sokongan yang disediakan oleh BNM dan sektor kewangan.

Gambar Rajah 1: Kepentingan PKS di Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Risiko dan peluang

Impak secara langsung daripada perubahan iklim terhadap operasi PKS bukan sahaja berpunca daripada kejadian cuaca ekstrem (Gambar Rajah 2). PKS yang merupakan sebahagian daripada rantaian bekalan, boleh terjejas oleh dasar-dasar berkaitan hijau dan kelestarian ekonomi lain, khususnya rakan dagangan utama dan pengeluar dalam negeri. Sebagai contoh, penzahiran berkaitan iklim mandatori telah dilaksanakan di lebih 15 negara di seluruh dunia manakala European Union Carbon Border Adjustment Mechanism menghendaki perniagaan, termasuk PKS, untuk mempamerkan bukti amalan hijau dan kelestarian. Pengeluar dalam negeri yang besar juga telah mengurangkan jejak karbon dan menghendaki pembekal untuk memenuhi standard amalan lestari yang lebih tinggi. Oleh sebab itu, kegagalan untuk menerapkan amalan lestari boleh menyebabkan perniagaan berada dalam kedudukan yang sangat lemah.

Perubahan iklim bukan hanya menimbulkan risiko kepada perniagaan malah turut menyediakan peluang perniagaan yang besar apabila PKS beralih kepada amalan lestari dan memberikan tumpuan pada aktiviti hijau (Gambar Rajah 3). Satu tinjauan yang dilakukan oleh UN Global Compact Network Malaysia & Brunei dan SME Corporation menggariskan bahawa sebanyak 89% daripada PKS yang melaksanakan amalan hijau memperoleh penjimatan kos purata sebanyak 39%, dengan 11% mencapai lebih 50% penjimatan kos.

1 Data setakat bulan Disember 2022.
2 Perjanjian Paris ialah perjanjian antarabangsa di bawah United Nation Framework Convention on Climate Change (UNFCCC). Perjanjian ini bertujuan mengehadkan kenaikan suhu global jauh di bawah 2°C melebihi paras sebelum era perindustrian.

Gambar Rajah 2: Kesan Perubahan Iklim terhadap Perniagaan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 3: Manfaat Menerapkan Amalan Hijau dan Lestari

Penjimatan kos dan kecekapan jangka sederhana hingga panjang – PKS boleh mengurangkan perbelanjaan operasi dan meningkatkan kecekapan dengan melaksanakan teknologi cekap tenaga serta mengamalkan amalan ekonomi kitaran.

Mengurangkan risiko pematuhan pengawalseliaan – Pengawalseliaan ESG telah meningkat sebanyak 155% dalam dekad yang lalu, mencerminkan pertumbuhan intervensi dasar berasaskan kelestarian. Menjangka dan mematuhi pengawalseliaan yang berkembang akan membantu mengurangkan risiko peralihan bagi PKS.

Permintaan pasaran – Meningkatkan reputasi jenama dan menarik jumlah pelanggan yang lebih besar berikutan kesedaran alam sekitar yang lebih tinggi di kalangan pengguna.

Daya tahan rantaian bekalan – Memperkukuh daya tahan dan mengurangkan kelemahan terhadap gangguan yang disebabkan oleh perubahan iklim.

Akses kepada kewangan – Keputusan modal dan pelaburan semakin mempertimbangkan faktor-faktor kelestarian.

Mempertingkatkan moral pekerja – Perkongsian nilai bersama memupuk perasaan mempunyai tujuan dan kepuasan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Memulakan Proses Peralihan Hijau

PKS perlu tahu bagaimana dan cara untuk memulakan peralihan hijau. Hal ini membolehkan PKS bermula di landasan yang tepat dan mengoptimumkan jumlah perbelanjaan dan pelaburan serta penggunaan sumber mereka. Kajian yang dijalankan oleh BNM dan Bank Dunia[3] mendapati bahawa walaupun PKS di Malaysia memahami kepentingan peralihan hijau, mereka sering kali tidak jelas bagaimana dan cara untuk bermula. Gambar Rajah 4 menggariskan lima langkah utama yang boleh diambil oleh PKS untuk memulakan proses tersebut.

[3] Menguruskan Risiko banjir: Memaanfaatkan Kewangan untuk Membina Daya Tahan Perniagaan Malaysia

Gambar Rajah 4: Langkah-Langkah Asas untuk Memulakan Proses Peralihan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Bagi menyokong PKS di Malaysia dalam usaha ini, portal JC3 ESG Jumpstart, iaitu portal maklumat sehenti (*one-stop portal*) untuk membimbing PKS dalam peralihan telah dilancarkan oleh Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (Joint Committee on Climate Change, JC3) pada bulan Oktober 2023. Portal ini mempunyai pelbagai sumber dan peralatan, termasuk panduan rujukan bagi PKS untuk memulakan proses peralihan hijau mereka.

Inisiatif dan Set Alat untuk Membantu Peralihan PKS

Sektor kewangan memainkan peranan yang sangat penting dalam menyokong perniagaan khususnya PKS dalam fasa peralihan. Bagi tujuan ini, BNM dan sektor kewangan telah memperkenalkan beberapa inisiatif untuk membantu PKS membina keupayaan teknikal dan menambah baik akses kepada kewangan, seperti yang ditunjukkan dalam Gambar Rajah 5.

Pembiayaan yang diluluskan di bawah Kemudahan Peralihan Rendah Karbon (Low Carbon Transition Facility, LCTF)[4] dan Kemudahan Teknologi Tinggi dan Hijau (High Tech and Green Facility, HTG)[5] telah meningkat pada tahun 2023 kepada lebih RM1.2 bilion dalam pembiayaan yang diluluskan sehingga kini. Kedua-dua kemudahan ini telah membolehkan lebih 550 PKS untuk memulakan proses peralihan mereka. Program perintis Penghijauan Rantaian Nilai (Greening Value Chain, GVC) yang diperkenalkan pada tahun 2022 juga telah menyokong lebih 330 PKS yang merupakan sebahagian daripada rantaian bekalan dalam negeri. Di bawah program perintis GVC, PKS memperoleh akses kepada latihan teknikal dan perisian mengukur serta melaporkan pelepasan gas rumah hijau (*greenhouse gasses*, GHG), selain pembiayaan di bawah LCTF. Kos latihan dan peralatan ditanggung oleh syarikat korporat teras atau pembiaya peserta. PKS di bawah program ini telah mula mengukur pelepasan GHG, dengan lebih 40 PKS sudah mula membuat laporan mengenai pelepasan.

[4] Dilancarkan pada bulan Januari 2022. Jumlah saiz sebanyak RM 2.0 bilion (pembiayaan secara padanan) oleh BNM dan institusi kewangan peserta.
[5] Dilancarkan pada bulan Disember 2020. Jumlah saiz sebanyak RM 1.1 bilion.

Gambar Rajah 5: Inisiatif dan Set Alat untuk Membantu PKS dalam Peralihan Perniagaan



Sokongan untuk Peralihan PKS

- **Portal JC3 ESG Jumpstart**
  - Portal maklumat sehenti yang mengandungi panduan rujukan yang mudah dan praktikal untuk PKS.
  - Cadangan tindakan yang boleh diambil oleh PKS untuk membina pengetahuan dan keupayaan asas ESG, serta mengenal pasti dan bertindak balas terhadap isu, risiko dan peluang utama ESG.
- **Panduan Penzahiran ESG Ringkas (SEDG)**
  - Sebuah panduan untuk membantu PKS menentukan penzahiran ESG yang perlu dipantau dan dilaporkan.



Penyelesaian Kewangan

Kemudahan pembiayaan

- **Kemudahan Peralihan Rendah Karbon (LCTF)**
  - Dana sebanyak RM2.0 bilion (pada asas padanan dengan institusi kewangan peserta) untuk menyokong PKS dalam menerapkan amalan mampan dan rendah karbon.
  - Terbuka kepada PKS dalam semua sektor yang komited untuk mengubah operasi perniagaan ke arah operasi rendah karbon.
  - Kadar pembiayaan hingga RM10 juta setiap PKS dengan kadar maksimum 5.0% setahun termasuk fi jaminan (jika ada).
- **Kemudahan Teknologi Tinggi dan Hijau (HTG)**
  - Dana sebanyak RM1.1 bilion yang menyokong PKS dalam sektor strategik dan bidang teknologi.
  - Kadar pembiayaan terhad pada 5.0% setahun, mendorong pertumbuhan perniagaan dan inovasi.
- **Skim Jaminan Portfolio oleh CGC**
  - Skim jaminan portfolio sebanyak RM1 bilion dengan kerjasama bank-bank peserta untuk menyokong akses yang lebih meluas kepada pembiayaan bagi PKS.

Program pembiayaan campuran

- **Program perintis Penghijauan Rantaian Nilai**
  - Menyokong PKS dalam mengukur, menjejak, dan melaporkan pelepasan GHG.
  - Menggabungkan pembiayaan dengan latihan teknikal, semakan di premis dan akses kepada perisian pengukuran pelepasan GHG.
- **Green Agritech**
  - Menggabungkan pembiayaan dengan latihan teknikal untuk petani tempatan yang menerapkan teknologi hijau dan amalan pertanian yang mampan.

Produk dan penyelesaian oleh institusi kewangan

- **Pembiayaan umum untuk pembelian teknologi atau modal kerja**
  - Pinjaman perdagangan korporat berkaitan kelestarian, pembiayaan CAPEX hijau, dan pembiayaan tenaga boleh diperbaharui.
- **Perundingan iklim**
  - Alat perundingan dan diagnostik iklim untuk PKS mengukur pelepasan GHG perniagaan.
  - Membantu perniagaan mengenal pasti dedahan berkaitan iklim.
  - Menyediakan kepakaran pengurusan risiko untuk membantu perniagaan mengatasi cabaran iklim dan alam sekitar.
  - Templat standard penilaian risiko yang dapat membantu PKS mengenal pasti risiko dan peluang peralihan.
- **Perlindungan**
  - Perlindungan insurans/takaful terhadap risiko iklim fizikal.

Sumber: Bank Negara Malaysia, JC3 dan laman-laman sesawang institusi kewangan

Mula secara Kecil, Mula Sekarang, Mainkan Peranan Kita

Terdapat sekurang-kurangnya dua cara PKS di Malaysia boleh mempertimbangkan peranan mereka sepanjang fasa peralihan ini (Gambar Rajah 6). Pertama, PKS boleh menjadi pelaksana hijau (*green performer*), iaitu dengan mencari cara untuk mengoptimumkan operasi mereka. Cara ini terhasil melalui kecekapan sumber dan amalan yang mesra alam sekitar bagi meningkatkan daya saing perniagaan. Kedua, PKS boleh menjadi penginovasi hijau (*green innovator*), dengan memberikan tumpuan pada usaha - usaha merintis teknologi hijau yang inovatif. Kedua-dua pelaksana hijau dan penginovasi hijau mempunyai peranan yang sangat penting untuk menyokong peralihan yang berjaya.

Kerjasama dan kolaborasi yang lebih kukuh dalam kalangan PKS juga boleh menyumbang kepada kejayaan usaha peralihan. Platform dan saluran untuk PKS berkongsi amalan hijau, menggembleng sumber dan menangani cabaran secara kolektif melalui rangkaian serta perkongsian akan mempercepat pembelajaran dalam kalangan PKS.

Gambar Rajah 6: Pelaksana dan Penginovasi Hijau



PELAKSANA HIJAU

Mempertingkatkan operasi menjadi cekap sumber dan mesra alam sekitar

- Mereka bentuk semula produk untuk mengurangkan input yang diperlukan tanpa mengurangkan utiliti produk
- Menggunakan semula sisa atau salurkan sebagai input kepada syarikat lain bagi mengurangkan kos pelupusan sisa (pusingan)
- Memanfaatkan kecekapan infrastruktur untuk menghasilkan penjimatan berkaitan kecekapan tenaga, pencahayaan, atau penebatan bangunan

Contoh



"Inisiatif Pejabat Hijau": Pemuliharaan Elektrik



Menggunakan Bahan Pengeluaran Lestari



PENGINOVASI HIJAU

Membangunkan produk dan teknologi inovatif sebagai model perniagaan teras

- Mencipta teknologi, produk, atau perkhidmatan baharu yang membantu mengurangkan impak alam sekitar
- Pembangunan teknologi eksperimen dan ujian dalaman sebelum pelaksanaan untuk menguruskan risiko pelaburan dalam teknologi yang tidak sesuai

Contoh



Mentransformasikan sekam padi menjadi pembungkusan terbiodegradasi



Sistem pengairan dan fertigasi yang tepat

Sumber: Diambil daripada OECD dan sumber-sumber lain

Setiap PKS akan berada pada peringkat yang berbeza dari segi tahap kesedaran dan penerapan amalan kelestarian mereka. Keadaan ini adalah diduga dan dijangka. Yang lebih penting adalah PKS mula mengambil langkah-langkah awal yang perlu dan mempergiat usaha secara progresif untuk memenuhi aspirasi standard yang lebih tinggi dalam amalan lestari. PKS perlu memulakan proses peralihan hijau sekarang, menggunakan set alat dan penyelesaian tersedia yang disediakan oleh sektor kewangan. Strategi oleh institusi kewangan untuk menyokong penghijauan PKS juga mesti diketengahkan bagi memastikan peralihan ekonomi yang teratur dan adil yang membolehkan perniagaan, tanpa mengira saiz, berkembang maju dan menyumbang kepada masa hadapan yang lebih lestari dan berdaya tahan.

Rujukan

Accountancy Europe. (2023, November 27). 5-step starting guide to a sustainable transition for SMEs sustainable business calls for ambitious European Sustainability Reporting Standards. Ecopreneur.eu. https://ecopreneur.eu/2023/09/05/5-step-starting-guide-to-a-sustainable-transition-for-smes/

Capital Markets Malaysia (CMM) (2023). Simplified ESG Disclosure Guide (SEDG) https://sedg.capitalmarketsmalaysia.com/wp-content/uploads/2023/10/SEDG-Full-Guide.pdf

Department of Statistics Malaysia. (2023). PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA 2022 = MICRO, SMALL AND MEDIUM ENTERPRISES 2022. Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya. (ii, 80). ISBN 2948-4146

Financial Stability Board. Progress Report on Climate-Related Disclosures. (2023). https://www.fsb.org/wp-content/uploads/P121023-1.pdf

Green Growth Report (English). Washington, D.C.: World Bank Group. http://documents.worldbank.org/curated/en/863801468337280535/Green-growth-report

McDaniels, J., & Robins, N. (2017). Mobilizing Sustainable Finance for Small-and Medi-um-Sized Enterprises. Reviewing Experience and Identifying Options in the G7. Enquiry: Design of a Sustainable Financial System.

OECD (2021). Facilitating the green transition for ASEAN SMEs. https://www.oecd.org/southeast-asia/regional-programme/networks/OECD-Facilitating-the-green-transition-for-ASEAN-SMEs.pdf

OECD (2022), "Financing SMEs for sustainability: Drivers, Constraints and Policies", OECD SME and Entrepreneurship Papers, No. 35, OECD Publishing, Paris, https://doi.org/10.1787/a5e94d92-en.

Schaper, M. T. (2022). SME responses to climate change in Southeast Asia. Iseas - Yusof Ishak Institute.

SME Sustainability Action Guide | UNGCMYB. (n.d.). UNGCMYB. https://www.ungcmyb.org/smesustainabilityactionguide

The SME Guide to Corporate Sustainability | UN Global Compact. (n.d.). https://unglobalcompact.org/library/5933.

World Bank. (2012). Inclusive Green Growth: The Pathway to Sustainable Development. @ Washington , DC. http://hdl.handle.net/10986/6058 License: CC By 3.0 IGO.